

Kempen *Great Deals* Sime Darby Property Raih RM1.1 Bilion Nilai Tempahan Jualan

- 1,107 buah unit hartanah yang berkualiti tinggi di perbandaran Sime Darby Property ditempah sepanjang tempoh kempen *Great Deals* yang berlangsung selama lima bulan pada tahun lalu;
- Kempen jualan *Dragon Deals* yang baru dilancarkan oleh Syarikat menyediakan peluang untuk pemilikan hartanah dalam persekitaran ekonomi yang mencabar.

ARA DAMANSARA, 18 JANUARI 2024 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) telah berjaya menamatkan kempen *Great Deals* dengan tempahan jualan bagi 1,107 buah unit hartanah dengan anggaran nilai sebanyak RM1.1 bilion. Kempen yang berlangsung dari 15 Ogos hingga 31 Disember 2023 itu disokong oleh pelbagai tawaran menarik untuk hartanah terpilih di perbandaran-perbandaran Syarikat di seluruh negara.

Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei berkata kejayaan kempen *Great Deals* membuktikan pemahaman Syarikat terhadap keperluan pengguna. “Kami menepati permintaan yang meningkat untuk hartanah berkualiti pada harga dan lokasi yang tepat. Menerusi kempen *Great Deals*, kami memenuhi impian pemilikan hartanah dengan tawaran hebat di kawasan-kawasan yang tersedia dengan perhubungan, aksesibiliti dan kemudahan yang cemerlang serta pengalaman pembelian yang mudah,” kata Datuk Lai.

Dipacu oleh momentum kempen *Great Deals*, Syarikat telah melancarkan kempen jualan *Dragon Deals* yang sedang berlangsung sehingga 29 Februari 2024. Terdiri daripada *Go Landed & High-Rise Collection* dengan hartanah terpilih di Bandar Elmina, Bandar Bukit Raja, Bandar Serenia, Nilai Impian, Bandar Ainsdale, Taman Melawati dan Putra Heights, Sime Darby Property percaya bahawa kempen ini akan membolehkan pemilikan rumah bagi semua rakyat Malaysia.

“Kempen *Dragon Deals* merupakan salah satu usaha Sime Darby Property untuk menangani kesukaran pemilikan hartanah di Malaysia. Kami sedar akan sentimen dan cabaran yang dihadapi oleh para pembeli dan percaya bahawa kempen ini akan membantu mereka memiliki hartanah bermula dengan di perbandaran kami,” kata Datuk Lai.

Sempena Tahun Naga, pembeli hartanah akan berpeluang untuk menikmati *Fortune Rewards* yang bernilai sehingga RM100,000 serta hadiah-hadiah lain sepanjang tempoh kempen. Sime Darby Property juga akan mengeluarkan filem pendek Tahun Baru Cina yang mempamerkan komitmen berterusan Syarikat terhadap kehidupan mampan di perbandaran-perbandarannya dengan tema '*Where Sustainability Flows, Prosperity Follows.*'

Untuk menyemarakkan lagi sambutan perayaan yang akan datang, *Special Weekends* Syarikat akan berlangsung dari 20 Januari hingga 24 Januari dan rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina akan diadakan antara 17 dan 25 Februari. Kemeriahan perayaan akan bermula dengan siri *Go-Landed Special Weekends* di Bandar Bukit Raja, Bandar Serenia, Bandar Ainsdale, Nilai Impian dan Bandar Elmina.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen jualan *Dragon Deals* Sime Darby Property, sila layari www.simedarbyproperty.com/dragondeals.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampanan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat hartanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangannya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk menghadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2022, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju hartanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com